

Headline **UPSR: Kelab TaHa bantu murid kurang mampu**
Date **04 May 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **I-28**
Article Size **342 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **15,067**
PRValue **45,201**



FIRDAUS (kanan) Zainal, Mohamad Hamdan dan Nor Hafiza melihat modul kertas kerja yang digunakan oleh murid pada Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR Kelab TaHa di SK Mahkota Sari, Gerik, Perak, baru-baru ini.

UPSR: Kelab TaHa bantu murid kurang mampu

Rosdi Ismail

SEMINAR Bimbingan Peperiksaan anjuran Kelab TaHa Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) membantu menyuntik semangat dan melonjakkan pencapaian murid kurang berkemampuan di luar bandar.

Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Sekolah Kebangsaan (SK) Mahkota Sari, Gerik, Perak, Khairiah Abdul Kadir, berkata murid yang akan menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), memerlukan banyak maklumat tambahan untuk cemerlang dalam peperiksaan.

Beliau berkata, seminar itu sudah pasti memberi pengalaman berguna kepada murid

“Membawa guru pakar dan berpengalaman ke luar bandar menepati usaha sekolah untuk memastikan murid kurang berkemampuan tetapi pintar terus cemerlang dalam UPSR”

Khairiah Abdul Kadir

Guru Penolong Kanan HEM, SK Mahkota Sari

terbabit untuk menimba input terkini kerana tidak berkemampuan menghadiri seminar atau bengkel berbayar.

“Langkah Tabung Haji menerusi Kelab TaHa dengan membawa guru pakar dan berpengalaman ke luar bandar menepati usaha sekolah untuk memastikan murid kurang berkemampuan tetapi pintar terus cemerlang dalam UPSR.

“Selain itu, guru yang mengiringi murid juga mengam-

bil kesempatan berkongsi maklumat dan menambah pengetahuan daripada guru yang mengendalikan seminar itu,” katanya ketika ditemui pada Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2011 anjuran Kelab TaHa di sekolah itu, baru-baru ini.

Seramai 270 calon UPSR sekitar Gerik yang akan menduduki UPSR tahun ini menghadiri seminar sehari yang diadakan dengan kerjasama Unit Pendidikan Berita Harian.

Seminar dirasmikan Pengarah Tabung Haji Perak, Muhamad Hamdan Omar. Hadir sama, wakil Pegawai Pelajaran Daerah Ulu Perak, Zainal Osman, Pengurus Tabung Haji Gerik, Firdaus Abdullah dan Guru Besar SK Mahkota Sari, Gerik, Nor Hafiza Mohammad.

Sementara itu, Nor Hafiza berharap, murid yang hadir pada seminar mengambil peluang daripada usaha yang dilakukan Tabung Haji untuk berusaha lebih gigih.

Kata, pelbagai pendedahan dan penerangan disampaikan guru pakar membolehkan calon menyusun strategi untuk terus cemerlang.

“Peserta beruntung kerana didedahkan dengan strategi menjawab soalan berdasarkan aras peperiksaan sebenar,” katanya.